

30/12/2003

Tiada kegemilangan sepanjang 2003

Nor Affizar Ibrahim

TIRAI 2003 berlabuh sudah. Menyorot beberapa peristiwa dan isu penting berkaitan wanita yang berlaku di negara ini, secara umum boleh dikatakan tidak banyak membawa perubahan besar berbanding dengan tahun sebelumnya.

Beberapa masalah berkaitan wanita yang diperjuangkan sejak dulu lagi, terus menjadi cerita utama tanpa hasil memberangsangkan atau kesan yang membawa pembaharuan menggalakkan. Ini termasuklah, isu berkaitan masalah gangguan seksual, keganasan terhadap wanita, mahkamah keluarga dan keseimbangan gender dalam beberapa jawatan penting.

Begitu juga apabila memperkatakan mengenai pencapaian dan kejayaan wanita Malaysia, tiada banyak kegemilangan tercatat, baik di dalam negara mahupun di luar negara.

Namun, pengunduran Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang menerajui kerajaan selama 22 tahun tiga bulan pada Oktober lalu, mencatatkan sejarah dan perubahan besar yang pasti tidak akan dilupakan rakyat di negara ini. Seajar dengan pengunduran pemimpin dikasihi itu, gelaran Wanita Pertama Malaysia turut bertukar tangan daripada Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali kepada Datuk Seri Endon Mahmood, isteri Perdana Menteri Kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagi wanita Malaysia mahupun wanita di beberapa negara luar, Dr Siti Hasmah ialah sebagai lambang dan inspirasi seorang isteri, ibu serta pemimpin idola wanita yang berjaya. Sepanjang bergelar Wanita Pertama, tiada siapa yang dapat menyangkal jasa, sumbangan bakti dan ketokohan beliau.

Dr Siti Hasmah adalah contoh wanita unggul sama ada dari segi peribadi dan kecemerlangan profesionnya.

Maka itu, ketika Endon mengambil alih kedudukan beliau, ia amat dirasai dan dianggap menjadi catatan penting dalam diari wanita di negara ini.

Biarpun tidak banyak kejayaan dicapai, diari 2003 tetap merakamkan beberapa peristiwa penting. Antaranya ialah memperlihatkan usaha bersungguh dan pembabitan secara langsung wanita Malaysia dalam memperjuangkan isu keamanan dan perpaduan pada peringkat global.

Dialog Wanita Pertama, bertemakan Melabur Dalam Keamanan yang diadakan kali pertama sempena Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) Februari lalu misalnya, mencapai kata sepakat mengenai pentingnya keamanan dan menyampaikan mesej kepada pemimpin dunia bahawa keamanan global adalah lebih penting daripada peperangan.

Malah, isu keamanan sejagat turut menjadi fokus perbincangan Dialog Wanita Pertama yang diadakan sempena Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Oktober lalu.

Tidak hanya bersuara di belakang, beberapa wanita Malaysia turun padang bagi membantu dan memperjuangkan isu itu. Antaranya, sukarelawan Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy) yang diterajui Presidennya, Datuk Dr Jemilah Mahmood.

Usaha Mercy menyampaikan bantuan ke Iraq, ditimpa malapetaka, iaitu Dr Jemilah dan rakannya, Dr Baba Md Deni diserang di Baghdad. Peristiwa yang boleh meragut nyawa itu tidak mematahkan semangat Dr Jemilah dan rakan mahupun wanita Malaysia secara keseluruhannya dalam menegakkan panji keamanan dan dunia yang bebas daripada ancaman perang.

Mempertahankan keselamatan dan kesejahteraan wanita dan kanak-kanak tidak hanya berpaksi di luar negara sebaliknya, turut menjadi teras kerajaan bagi pembangunan serta menyemarakkan semangat wanita untuk melangkah jaya ke depan di negara ini.

Ini jelas, dilihat dalam pembentangan Bajet 2004 oleh Dr Mahathir pada pertengahan September lalu.

Antara dasar mesra wanita yang diumumkan pada bajet itu ialah peruntukan

sejumlah RM128.6 juta untuk institusi kekeluargaan dan pembangunan wanita. Peningkatan jumlah berkenaan berbanding RM99.1 juta yang diperuntukkan pada Bajet 2003 membuktikan kerajaan menyedari pentingnya pembangunan institusi kekeluargaan dan juga wanita.

Pelbagai program pembangunan institusi keluarga dan wanita, termasuk latihan, bimbingan, kaunseling dan pendedahan untuk meyakinkan di samping mendorong wanita, khususnya ibu tunggal, warga tua dan orang kurang upaya turut diumumkan akan dilaksanakan kerajaan.

Ini merangkumi, galakan sebanyak RM100 juta daripada Skim Kredit Desa untuk ibu tunggal yang mempunyai perusahaan sendiri di desa dan keutamaan pemberian rumah kos rendah serta sederhana rendah daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dengan diberi diskaun harga sebanyak 20 peratus mereka yang berpendapatan rendah.

Sidang Kemuncak Hari Wanita Ogos lalu pula mencetuskan beberapa idea bagi pembangunan wanita.

Antaranya, waktu kerja yang lebih anjal dan kemudahan bekerja dari rumah untuk kerjaya tertentu. Isu kesaksamaan gender turut menjadi fokus pada persidangan tahunan itu.

Abdullah yang merasmikan sidang berkenaan memberi keyakinan bahawa kerajaan tidak mengamalkan diskriminasi terhadap pekerja wanita. Di samping, menegaskan kerajaan akan tetap memberi kepercayaan kepada wanita berkebolehan dan berpendidikan yang layak untuk memegang jawatan pada peringkat pembuat keputusan di sektor awam dan swasta.

Awal September lalu, bekas Perdana Menteri dalam jawapan bertulisnya di Parlimen berkata kerajaan akan meminda Akta Pekerjaan 1955 bagi memasukkan peraturan kerja baru dan lebih anjal bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

Pindaan itu termasuk memasukkan peraturan telekerja, kerja separuh masa dan perkongsian kerja bagi membolehkan wanita menggabungkan kerjaya dan tanggungjawab rumah tangga.

Sejajar dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga menggalakkan konsep rumah sebagai pejabat bagi memberi peluang kepada wanita memilih bekerja di rumah.

Bagi merealisasikan cadangan itu, Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata bahagian dasar kementerian itu sedang mengkaji langkah yang perlu dilakukan sebelum mengemukakan memorandum kepada Kabinet awal tahun depan berhubung konsep terbaik bagi menjayakan cetusan idea berkenaan.

Sementara itu, beberapa isu kontroversi yang melanda tahun lalu sedikit sebanyak menggugat keharmonian dan mencabar maruah serta mencalar hati wanita. Antaranya ialah isu cerai menerusi sistem pesanan ringkas (SMS), lambat kahwin di kalangan wanita berkerjaya dan kebenaran berpoligami tanpa kebenaran isteri pertama di Perlis.

Sikap suami yang menggunakan SMS untuk menjatuhkan talak diselar masyarakat dan disifatkan sebagai 'merendahkan martabat dan maruah wanita' di samping, tidak menunjukkan penghargaan kepada institusi perkahwinan.

Tindakan Perlis yang menawarkan negerinya menjadi destinasi berpoligami sebagai cara untuk menghentikan amalan rakyat Malaysia menyeberangi sempadan ke Thailand untuk tujuan demikian juga dianggap memperlekehkan hak wanita. Tawaran berkenaan dikatakan tidak berasas sebaliknya, memudahkan pasangan yang ingin berpoligami tanpa kebenaran isteri pertama berkahwin dan mendaftarkan pernikahan di Malaysia.

Selain itu, cerita Andartu (Anak dara tua) dan Andalusia (Anak dara lanjut usia) kembali dibangkitkan pada Julai lalu. Berikutan itu, mulalah pelbagai cadangan dan pendapat pelbagai pihak diberikan, iaitu sesetengahnya menimbulkan perasaan tidak senang hati atau menggoreskan hati wanita.

Dalam pada itu, kes perceraian tertunggak masih menjadi perhatian umum. Bagi mengendalikan pelbagai kes berkaitan kekeluargaan, kerajaan kini bersetuju menubuhkan Mahkamah Keluarga yang akan mempunyai dua komponen utama, iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Justeru, bagi melicinkan pengendalian kes di mahkamah berkenaan,

beberapa undang-undang seperti Undang-Undang Pendaftaran dan Perceraian 1976 akan dipinda yang membolehkan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil berkongsi kemudahan pengendalian kes terbabit.

Sebenarnya, isu penubuhan Mahkamah Keluarga di Malaysia sudah lama dibincangkan. Oleh itu, apa yang diumumkan sekali lagi oleh kerajaan tahun ini, diharap bukan lagi hanya bercakap di angin lalu sebaliknya, direalisasikan pada 2004.

Selain isu kontroversi, masyarakat juga dikejutkan dengan berita mengemparkan khususnya, kejadian jenayah seperti rogol dan bunuh yang mengaitkan wanita.

Ini termasuklah, kematian penganalisis teknologi maklumat Canny Ong Lay Kean yang ditemui mati dibunuh di Batu 7, Jalan Klang Lama, pada 14 Jun lalu. Mayat Ong yang dipercayai dirogol sebelum dibunuh dan kemudiannya dibakar mendapat liputan luas media Malaysia pertengahan tahun ini.

Kes lain ialah pembunuhan eksekutif pemasaran Noritta Samsudin. Kes malang itu turut menjadi bualan hangat di media dan orang ramai. Mayat Noritta ditemui dalam keadaan bogel di biliknya di kondominium yang disewa bersama beberapa rakan lain dengan tangan dan kaki terikat.

Setiap kejadian dan peristiwa yang berlalu sepanjang 2003 ada pengajaran serta hikmahnya. Namun, yang menjadi harapan semoga 2004 membawa lebih khabar gembira dan kegemilangan bagi wanita Malaysia.